



M E M O

PUSAT LATIHAN PENGAJAR DAN KEMAHIRAN LANJUTAN (CIAST) JABATAN PEMBANGUNAN KEMAHIRAN KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN : PLPKL/SA/10/82(47)

TARIKH : 23 Julai 2010

PERKARA : ARAHAN PENGURUSAN BIL 17/2010 PENGUNAAN 'WALKIE TALKIE' KETIKA MENJALANKAN TUGAS	
DARIPADA : Pengarah CIAST	SALINAN: KP JPK, TPPL, TPPP dan semua KB/KP
KEPADA : Semua Kakitangan Unit Penyelenggaraan	

1. TUJUAN

Menyelaras penggunaan 'walkie talkie' dalam menjalankan tugas penyelenggaraan.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Adalah menjadi tanggungjawab Unit Penyelenggaraan Bahagian Khidmat Pengurusan untuk menggunakan peralatan 'walkie talkie' semasa bertugas di kawasan CIAST.
- 2.2 Semua anggota unit penyelenggaraan seramai 8 orang telah dibekalkan alat 'walkie talkie' untuk kemudahan komunikasi antara anggota ketika menjalankan tugas pemantauan dan penyelenggaraan.
- 2.3 Oleh yang demikian penyelarasan peraturan penggunaan 'walkie talkie' perlu diperkemas supaya sistem komunikasi ketika menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan dibuat dengan lebih berkesan.

3. ARAHAN

- 3.1 Alat komunikasi hendaklah sentiasa dibawa bersama ketika bertugas terutama dalam waktu kerja pejabat.
- 3.2 Setiap anggota hendaklah memastikan alat komunikasi sentiasa boleh guna dan dibuka dalam waktu kerja pejabat bagi memudahkan komunikasi.
- 3.3 Bahasa komunikasi hendaklah menggunakan bahasa standard yang telah ditetapkan. Bahasa yang kurang sopan adalah dilarang.
- 3.4 Kemudahan alat komunikasi hanya untuk kegunaan tugas rasmi sahaja.
- 3.5 Keselamatan alat komunikasi yang telah dibekalkan adalah menjadi tanggungjawab anggota dan hendaklah diguna dengan baik dan disimpan di tempat yang selamat.

4. TARIKH BERKUATKUASA

Arahan ini berkuatkuasa serta merta.

5. PENUTUP

Kerjasama dan sokongan semua kakitangan adalah dipohon bagi menentukan arahan diatas dipatuhi sepenuhnya.

Diatas kerjasama dan sokongan yang diberi diucapkan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pekerja Berinovasi Pemacu Transformasi"

A handwritten signature in black ink, consisting of a series of loops and a long horizontal stroke extending to the right.

(GHAZLAN BIN GHAZALI)